

Dua kementerian tingkat mutu pendidikan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembentukan dua kementerian yang bertanggungjawab dalam bidang pendidikan bertujuan menyediakan peluang pendidikan bermutu kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, pemecahan Kementerian Pendidikan kepada dua memberi peluang kepada kedua-dua menterinya menumpukan perhatian kepada bidang masing-masing bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan dipecahkan kepada dua iaitu Kementerian Pelajaran yang diterajui Datuk Hashimuddin Hussein, manakala Kementerian Pengajian Tinggi oleh Datuk Dr Mohd Shafie Mohd Salleh.

"Kita berharap Kementerian Pengajian Tinggi dapat memberikan kejayaan lebih cemerlang dalam bidang pendidikan pada peringkat tinggi.

"Ini kementerian yang penting, dulu satu menteri tetapi kini dua menteri yang boleh memusatkan perhatian

mereka kepada bidang pendidikan yang luas skopnya," katanya pada majlis meraikan Mohd Shafie, di sini malam tadi.

Sebelum ini, Mohd Shafie adalah Timbalan Menteri Kewangan. Turut diraikan ialah bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan cenderahati kepada Mohd Shafie dan Hashim.

Perdana Menteri turut memberi jaminan kerajaan terus berusaha memberi peluang pendidikan bermutu.

Abdullah memuji Mohd Shafie kerana memberikan perkhidmatan yang baik dan berprestasi tinggi sejak menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian pada 1995 sehingga menjadi timbalan menteri dan menteri penuh.

Perdana Menteri turut berterima kasih kepada Hashim kerana memberi banyak sumbangan kepada Kementerian Kewangan sepanjang perkhidmatannya.



ABDULLAH menyampaikan cenderahati kepada Mohd Shafie sambil diperhatikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Shamsudin Hitam (kanan) di Marriot Putrajaya, malam tadi. - Gambar oleh Mahayudin Mohamad